

**IBU PEJABAT**  
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
**NEGERI PERAK**  
 Persiaran Meru Utama  
 Bandar Meru Raya  
 30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon : 05-5297444  
 Faksimili : 05-5265203 (Bhg. Pengurusan)  
 Laman Web : www.bomba.gov.my  
 E-Mel : pgrsn\_prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/CSM:500(S)-9/2/2 (2)  
 Tarikh : 27 Oktober 2021

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**PEMAKLUMAN PENETAPAN KADAR BAYARAN BENCANA BANJIR BAGI PERMOHONAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN BOMBA (KWKB)**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti pihak Tuan sedia maklum, semua Permohonan Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB) perlu merujuk kepada Garis Panduan Berhubung Tatacara KWKB yang telah dikeluarkan oleh Cawangan Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertarikh Jun 2020 selaras dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Arahan Pengurusan: Bil 1 Tahun 2018 dan Arahan Pengurusan: Bil 1 Tahun 2020.
3. Susulan dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Bil. 1 Tahun 2021 dimaklumkan bahawa kadar bayaran kepada pegawai yang terjejas akibat bencana banjir adalah seperti berikut:

<b>Kategori 1 3 kaki dan ke atas</b>	<b>Kategori 2 2 kaki – 2.9 kaki</b>	<b>Kategori 1 1.9 kaki dan ke bawah</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM3,000.00 (max) bagi rumah persendirian</li> <li>• 50% dari kos yang dimohon</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM2,000.00 (max) bagi rumah persendirian</li> <li>• Selain rumah persendirian (RM1,500.00)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM1,000.00 (max) bagi rumah persendirian</li> <li>• Selain rumah persendirian (RM750.00)</li> </ul>

...2/-

**'CEPAT DAN MESRA'**



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
 CERT. NO: OMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
 CERT. NO: OMS 02101

Ruj. Kami : JBPM/PK/CSM:500(S)-9/2/2 (2)

4. Namun begitu, kelulusan kadar bayaran masih tertakluk dengan keputusan Jawatankuasa Akaun Amanah berdasarkan Arahan Pengurusan: Bil 1 Tahun 2020. Bersama-sama ini dikemukakan salinan surat dari Ibu Pejabat JBPM untuk rujukan pihak Tuan.


5. Kerjasama dan perhatian Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA“**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZMI BIN OSMAN)**

Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Perak

## SENARAI EDARAN

### Pejabat Pengarah

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat  
Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran  
Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran  
Penolong Pengarah Bahagian Latihan  
Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera  
Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan

Ketua Zon 1 Perak

Ketua Zon 2 Perak

Ketua Zon 3 Perak

Ketua Zon 4 Perak

Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Ipoh  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Simpang Pulai  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Kampar  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Gopeng  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Pasir Puteh  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Batu Gajah  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Kuala Kangsar  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Sungai Siput  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Meru Raya  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Taiping  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Lenggong  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Kamunting  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Gerik  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Bagan Serai  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Parit Buntar  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Kuala Kurau  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Pengkalan Hulu  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Selama  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Batu Kurau  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Seri Manjung  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Sitiawan  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Pantai Remis  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Seri Iskandar  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Parit  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Pulau Pangkor  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Air Tawar  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Kampong Gajah  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Tapah  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Slim River  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Bidor  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Tanjung Malim  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Teluk Intan  
Ketua Balai, Balai Bomba Dan Penyelamat, Hutan Melintang

The following information is provided for your information. The information is for informational purposes only and should not be used for any other purpose. The information is for informational purposes only and should not be used for any other purpose.

1. Name: [Name]  
2. Address: [Address]  
3. City: [City]

The following information is provided for your information. The information is for informational purposes only and should not be used for any other purpose. The information is for informational purposes only and should not be used for any other purpose.

The following information is provided for your information. The information is for informational purposes only and should not be used for any other purpose. The information is for informational purposes only and should not be used for any other purpose.





**IBU PEJABAT**  
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**  
*Fire And Rescue Department of Malaysia*  
 Lebuh Wawasan, Presint 7  
 62250 PUTRAJAYA

Telefon: 603-88880036  
 Faks: 603-88880962  
 Portal Rasmi: [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
 Emel: [sumber\\_manusia@bomba.gov.my](mailto:sumber_manusia@bomba.gov.my)





3/4/10

Ruj. Kami : JBPM/IP/CSM:400-1/11/3/2 Jld.2 (7)

Tarikh : 4 Oktober 2021

*Seperti Senarai Edaran*

YS Dato' /Tuan/Puan,



**PEMAKLUMAN PENETAPAN KADAR BAYARAN BENCANA BANJIR BAGI PERMOHONAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN BOMBA (KWKB)**


Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YS Dato' /Tuan/Puan sedia maklum, Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menyediakan Garis Panduan bagi permohonan KWKB untuk rujukan semua anggota dan pegawai JBPM. Garis panduan ini disediakan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan permohonan KWKB oleh semua anggota dan pegawai JBPM. Garis Panduan ini juga adalah selaras dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Arahan Pengurusan : Bil 1 Tahun 2018 dan Arahan Pengurusan : Bil 1 Tahun 2020.

3. Untuk makluman YS Dato'/Tuan/Puan, Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Bil. 1 Tahun 2021 telah bersetuju kadar bayaran kepada pegawai yang terjejas akibat bencana banjir dibayar berdasarkan ketetapan berikut:

Kategori 1 3 kaki dan ke atas	Kategori 2 2 kaki – 2.9 kaki	Kategori 3 1.9 kaki dan ke bawah
<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM3000 (max) bagi rumah persendirian</li> <li>• 50% dari kos yang dimohon</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM2000 (max) bagi rumah persendirian</li> <li>• Selain rumah persendirian (RM1500)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM1000 (max) bagi rumah persendirian</li> <li>• Selain rumah persendirian (RM750)</li> </ul>

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
 CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
 CERT. NO: QMS 02101

4. Ketetapan ini adalah terpakai bagi permohonan yang dikemukakan berdasarkan Arahan Pengurusan : Bil 1 Tahun 2020 dan keputusan kadar bayaran masih tertakluk kepada keputusan jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah yang bersidang. Sehubungan dengan itu, dipanjangkan unuk pemakluman YS Dato'/Tuan/Puan jua.


5. Perhatian dan kerjasama YS Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOORLEZA BINTI RAJAB)**

Pengarah Pengurusan

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

☎ 03-88927662 ☎ 03-88880025

✉ [noorleza@bomba.gov.my](mailto:noorleza@bomba.gov.my)

s.k : YAS Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

: YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

: YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



# **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**

## **GARIS PANDUAN BERHUBUNG TATACARA PERMOHONAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN BOMBA (KWKB)**

---

Cawangan Pengurusan Sumber Manusia  
Bahagian Pengurusan

Jun 2020



## **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan dan rujukan kepada semua anggota dan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berhubung tatacara permohonan Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB) JBPM;
- 1.2 Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan permohonan KWKB oleh semua anggota dan pegawai JBPM; dan
- 1.3 Garis panduan ini juga adalah selaras dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Arahan Pengurusan: Bil 1 Tahun 2018 dan Arahan Pengurusan: Bil 1 Tahun 2020.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 KWKB ditubuhkan dengan tujuan seperti mana yang dinyatakan di bawah Seksyen 49 Akta Perkhidmatan Bomba 1988;
- 2.2 Seksyen 49 menggariskan:
  49. Kumpulan Wang hendaklah ditadbir mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan digunakan-
    - (a) untuk memberi pampasan kepada Pegawai Bomba bagi perkhidmatan tambahan atau khas yang diberi oleh mereka;
    - (b) bagi maksud-
      - (i) mengadakan keselesaan, kesenangan dan faedah lain, yang tidak dipertanggungjawabkan kepada hasil awam, bagi: atau
      - (ii) memberi pinjaman kepada,



Pegawai Bomba, bekas Pegawai Bomba yang telah bersara dengan pencen, ganjaran atau elaun lain atau orang yang bergantung sebahagiannya atau keseluruhannya kepada Pegawai Bomba atau bekas Pegawai Bomba yang telah mati pada masa kematiannya.

2.3 KWKB dikawal selia oleh Ketua Pengarah mengikut peraturan dan garis panduan yang berkuatkuasa.

### 3.0 DEFINISI

Berikut dijelaskan definisi istilah yang terdapat dalam garis panduan ini iaitu:

- 3.1. "**Gaji Akhir**" bermakna Gaji Pokok tidak termasuk Imbuhan Tetap semasa kejadian berlaku;
- 3.2. "**Orang Tanggungan**" bermakna orang-orang yang ditafsirkan sebagai orang tanggungan dalam 'Akta Pencen 1980' atau mana-mana orang yang dianggap sebagai orang tanggungan oleh Jawatankuasa;
- 3.3. "**Pegawai Bomba**" bermakna orang yang diambil khidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi melaksanakan tugas yang pada melaksanakannya dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam;
- 3.4. "**Kursus**" bermakna:
  - (i) kursus yang diikuti bagi tujuan perkhidmatan; dan
  - (ii) kursus yang diarahkan atau dibenarkan oleh Jabatan tetapi tidak termasuk kursus yang diberi Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Kursus Secara Sambilan iaitu

program pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan secara sambilan/separuh masa atau pendidikan jarak jauh.

3.5. **“Tugas Rasmi”** bermakna:

- (i) tugas jawatan yang disandang;
- (ii) tugas-tugas berkaitan urusan pejabat;
- (iii) semasa pergi dan pulang kerja dengan menggunakan laluan yang sama dan disahkan;
- (iv) semasa menjalani aktiviti kursus; dan
- (v) menghadiri peperiksaan perkhidmatan awam yang melibatkan urusan pengesahan perkhidmatan kenaikan pangkat dan tugas hakiki pegawai.

3.6. **“Pesara Bomba”** bermakna seseorang pegawai bomba yang telah diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen di bawah seksyen 7, Akta Pencen 1970 (Akta 227) atau yang disifatkan sebagai seorang pegawai berpencen di bawah Seksyen 8 Akta 227.

3.7. **“Tugas Aktif”** bermakna tugas-tugas aktif yang dilaksanakan oleh JBPM meliputi aspek pepadaman kebakaran, penyelamatan, khidmat kemanusiaan, penguatkuasaan, penyiasatan kebakaran, dan latihan berisiko tinggi. Tugas-tugas berkenaan adalah seperti di **Lampiran I**.

3.8. **“Tugas Bukan Aktif”** bermakna tugas-tugas yang dilaksanakan adalah seperti di **Lampiran II**.

#### 4.0 SYARAT-SYARAT

- 4.1 Kemudahan KWKB adalah layak diberikan kepada:
- (i) Pegawai Bomba yang masih berkhidmat di Ibu Pejabat, JBPM Negeri dan Akademi; dan
  - (ii) Bekas Pesara yang telah bersara dengan pensen tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa.
- 4.2 Tempoh untuk membuat tuntutan permohonan KWKB adalah tertakluk dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berlakunya insiden (kemalangan/kematian/bencana). Permohonan yang melebihi dari tarikh tersebut boleh dianggap sebagai gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 4.3 Sebarang keputusan permohonan KWKB tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa berasaskan kepada keperluan dan kedudukan dana KWKB.

#### 5.0 TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Borang Permohonan KWKB
- (i) Semua anggota dan pegawai bomba yang ingin membuat permohonan bantuan KWKB boleh mendapatkan borang permohonan di lokasi berikut:

Lokasi	Bahagian/Cawangan
Ibu Pejabat	Cawangan Pengurusan Kewangan
JBPM Negeri/Akademi	Cawangan Sumber Manusia



- (ii) Semua permohonan perlu dilengkapkan dan menggunakan borang mengikut kategori kes seperti berikut; dan

Jenis Borang	Kategori Kes
KWKB 1	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kes Kematian</li><li>• Kes Kemalangan</li></ul>
KWKB 2	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kes Bencana</li><li>• Pembelian Peralatan dan Anggota Tiruan</li></ul>
KWKB 3	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pinjaman Pelajaran</li></ul>

- (iii) Borang permohonan yang lengkap hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

## 5.2 Senarai Semak Dokumen Sokongan

- (i) Bagi tujuan pengesahan dan semakan Jabatan, semua permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan seperti di **Lampiran III**;
- (ii) Salinan dokumen sokongan perlu jelas dan terang untuk rujukan Jabatan; dan
- (iii) Ketua Jabatan hendaklah membuat pengesahan bagi semua permohonan dan diselaraskan serta disemak di peringkat Bahagian Pengurusan JBPM Negeri/Akademi sebelum dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat JBPM.



### 5.3 Mesyuarat KWKB

- (i) Permohonan yang lengkap akan dibentangkan dalam Mesyuarat Panel KWKB dan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah KWKB dalam tempoh 3 bulan daripada penerimaan borang permohonan (tertakluk kepada tarikh bersidang);

### 5.4 Keputusan Permohonan

- (i) Semua permohonan dilulus oleh Jawatankuasa KWKB yang dipengerusikan oleh YAS Ketua Pengarah; dan
- (ii) Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat/emel berserta dengan slip pembayaran dalam tempoh 2 minggu.

## 6.0 JAWATANKUASA KUMPULAN WANG KEBAJIKAN BOMBA (KWKB)

6.1 Semua permohonan yang lengkap akan dibentang dalam dua (2) mesyuarat iaitu:

- (i) Mesyuarat Panel Kumpulan Wang Kebajikan Bomba;
- (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Kumpulan Wang Kebajikan Bomba.

### 6.2 Mesyuarat Panel Kumpulan Wang Kebajikan Bomba

- (i) Semua permohonan yang lengkap akan melalui urusetia KWKB untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Panel KWKB yang dianggotai oleh pegawai berikut:
  - a) Pengerusi -Pengarah Bahagian Operasi

b) Ahli 1-Pengarah Bahagian Penyasatan Kebakaran/wakil

c) Ahli 2- Pengarah Pengurusan/wakil

d) Ahli 3-Timbalan Pengarah Pengurusan (Kewangan)/wakil

(ii) Mesyuarat Panel bertujuan untuk mendapatkan syor dan pertimbangan ahli panel bagi semua permohonan.

### 6.3 Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Kumpulan Wang Kebajikan Bomba

(i) Semua syor dan pertimbangan ahli Mesyuarat Panel akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah KWKB yang dianggotai oleh pegawai berikut:

a) Pengerusi - Ketua Pengarah

b) Ahli 1 - Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

c) Ahli 2 - Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

d) Ahli 3 - Pegawai dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

e) Ahli 4 - Pegawai dari Kementerian Kewangan (MOF)

(ii) Mesyuarat Jawatankuasa tidak boleh diadakan tanpa kehadiran Ketua Pengarah dengan bilangan kuorum sebanyak tiga (3) ahli.

### 6.4 Perancangan Mesyuarat Jawatankuasa KWKB adalah sebanyak empat (4) kali setahun seperti berikut:

<b>Mesyuarat</b>	<b>Tarikh Pelaksanaan</b>
Mesyuarat Bil. 1	• Februari
Mesyuarat Bil. 2	• Mei
Mesyuarat Bil. 3	• Ogos
Mesyuarat Bil. 4	• November

## **7.0 CARTA ALIR PERMOHONAN KWKB**

Carta alir disediakan bagi memberi penjelasan mengenai proses permohonan KWKB agar mudah difahami oleh semua anggota dan pegawai JBPM. Sila rujuk **Lampiran IV**.

## **8.0 PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS**

8.1 Sebarang pertanyaan dan maklumbalas berkaitan permohonan Kumpulan Wang Kebajikan Bomba (KWKB), boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

- (i) Puan Nur Athirah binti Ahmad Rahimee  
Penolong Pengarah M41 (Unit HRMIS & Latihan)  
03-8892 7746
- (ii) Puan Rohanida binti Poniran  
Ketua Pembantu Tadbir N22 (Unit HRMIS & Latihan)  
03-8892 7739

(iii) Encik Ahmad Nizan bin Ismail

Pembantu Tadbir N19 (Unit HRMIS & Latihan)

03-8892 7738

8.2 Semua permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah

Ibu Pejabat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Lebuh Wawasan, Presint 7

62250 PUTRAJAYA

MALAYSIA

(u.p): Timbalan Pengarah Pengurusan (Sumber Manusia)

Disediakan oleh:

Cawangan Pengurusan Sumber Manusia



# LAMPIRAN I

BIL	TUGAS AKTIF	KATEGORI
1.	<p><b>Aspek Pemadaman Kebakaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Operasi pemadaman kebakaran bangunan dan struktur.</li> <li>(ii) Operasi pemadaman kebakaran hutan dan belukar.</li> <li>(iii) Operasi pemadaman kebakaran menggunakan pesawat udara.</li> </ul>	Bantuan bencana
2.	<p><b>Aspek Penyelamatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Operasi menyelamatkan mangsa di air seperti sungai, tasik dan laut.</li> <li>(ii) Operasi menyelamatkan mangsa di hutan.</li> <li>(iii) Operasi menyelamatkan mangsa bencana alam seperti banjir, tsunami, gempa bumi dan tanah runtuh.</li> <li>(iv) Operasi menyelamatkan kemalangan kenderaan.</li> <li>(v) Operasi menyelamatkan mangsa ditempat tinggi seperti bangunan, cerun dan bukit.</li> <li>(vi) Operasi menyelamatkan mangsa di ruang sempit seperti gua, longkang dan sewer.</li> <li>(vii) Operasi pengendalian tumpahan bahan berbahaya, bertoksik atau radioaktif (HAZMAT/CBRNe),</li> </ul>	Bantuan bencana

	ancaman biologi dan letupan.	
3.	<b>Aspek Khidmat Kemanusiaan</b> (i) Operasi menangkap reptilia berbisa dan berbahaya. (ii) Banjir.	Bantuan bencana
4.	Pemanduan jentera pemadaman ke tempat kejadian atau bencana.	Penggunaan Kenderaan Jabatan
5.	Pengangkutan mangsa atau pesakit menggunakan pesawat udara atau jentera <i>Emergency Response Medical Services</i> (EMRS).	Penggunaan Kenderaan Jabatan
6.	(i) Melaksanakan operasi kebombaam dan penyelamatan atau misi kemanusiaan di luar negara. (ii) Operasi My Relief Team SAR bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).	Berkhidmat di luar negara
7.	<b>Aspek Latihan Berisiko</b> (i) Latihan pemadaman kebakaran dan penyelamatan. (ii) Demonstrasi kebombaam dan penyelamatan. (iii) Latihan HAZMAT/CBRNe (iv) Latihan <i>High Rise Building</i> (v) Latihan <i>High Angle</i>	Latihan risiko tinggi

	<p>(vi) Latihan <i>Collapse Structure</i></p> <p>(vii) Latihan Letupan</p> <p>(viii) Latihan <i>Offensive Indoor Fire Fighting</i> (OIFF)</p>	
8.	<p><b>Aspek Penyiasatan Kebakaran</b></p> <p>(i) Menjalankan penyiasatan kebakaran struktur atau kenderaan selepas selesai operasi pemadaman.</p> <p>(ii) Mengumpul bahan-bahan bukti di premis kebakaran selepas di ambil milik premis (bahaya runtuh bangunan, sisa kebakaran dan bahan berbahaya).</p> <p>(iii) Menjalankan soal siasat saksi untuk mendapatkan maklumat berkaitan kebakaran.</p> <p>(iv) Mengawal keselamatan premis yang diambil milik supaya tidak dicerobohi bagi memastikan bahan bukti terpelihara.</p> <p>(v) Menjalankan analisa terhadap sampel bahan bukti di makmal.</p> <p>(vi) Membuat pemeriksaan atau naziran ke negeri-negeri atau premis berhubung dengan penyiasatan Kebakaran.</p> <p>(vii) Kehadiran pegawai penyiasat di mahkamah sebagai saksi / pemberi keterangan.</p>	<p>Risikan</p> <p>Risikan</p> <p>Risikan</p> <p>Kawalan di kawasan strategik</p> <p>Risikan</p> <p>Naziran</p>



9.	<p><b>Aspek Pendakwaan Kebombaan</b></p> <p>(i) Menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan ke atas premis untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang (Akta 341).</p> <p>(ii) Menjalankan soal siasat saksi untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang (Akta 341).</p> <p>(iii) Membuat pemeriksaan atau naziran ke negeri-negeri atau premis berhubung dengan pelanggaran undang-undang (Akta 341).</p>	<p>Risikan</p> <p>Risikan</p> <p>Naziran</p>
10.	<p><b>Aspek Keselamatan Kebakaran</b></p> <p>(i) Pemeriksaan bagi Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) ke atas premis-premis termasuk bangunan tinggi, Kilang Proses Bahan Bahaya, Kompleks Petrokimia, radioaktif dan lain-lain untuk membuat penguatkuasaan undang-undang.</p> <p>(ii) Pemeriksaan bagi Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) ke atas premis-premis termasuk bangunan tinggi, Kilang Proses Bahan Bahaya, Kompleks Petrokimia, radioaktif dan lain-lain berdasarkan aduan awam untuk membuat penguatkuasaan undang-undang.</p>	<p>Naziran</p> <p>Naziran</p>

	<p>(ii) Pemeriksaan bagi Pelaksanaan Perakuan Bomba di premis-premis ditetapkan termasuk bangunan tinggi, Kilang Proses Bahan Bahaya, Kompleks Petrokimia, radioaktif dan lain-lain untuk membuat penguatkuasaan undang-undang.</p> <p>(iv) Pemeriksaan ke premis-premis ditetapkan berdasarkan aduan awam termasuk bangunan tinggi, Kilang Proses Bahan Bahaya, Kompleks Petrokimia, radioaktif dan lain-lain untuk membuat penguatkuasaan undang-undang.</p> <p>(v) Pemeriksaan dan ujian alat-alat pencegahan kebakaran di bangunan tinggi, Kilang Proses Bahan Bahaya, Kompleks Petrokimia, radioaktif dan lain-lain bangunan bagi tujuan pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion &amp; Compliance).</p> <p>(vi) Pemeriksaan ke premis-premis berdasarkan permohonan bagi tujuan pengeluaran surat sokongan pelesenan perniagaan.</p> <p>(vii) Pelaksanaan demonstrasi pemadaman kebakaran kepada orang awam yang melibatkan bahan</p>	<p>Naziran</p> <p>Naziran</p> <p>Naziran</p> <p>Naziran</p> <p>Latihan risiko tinggi</p>
--	---	--

	<p>yang mudah terbakar seperti minyak petrol, diesel dan gas LPG.</p> <p>(viii) Pelaksanaan pengungsian bangunan tinggi, kilang proses bahan bahaya, kompleks petrokimia, radioaktif dan lain-lain bangunan berisiko tinggi.</p>	Latihan risiko tinggi
11.	<p><b>Aspek Operasi Udara</b></p> <p>(i) Membuat rondaan udara pada musim-musim tengkujuh, kemarau dan banjir.</p> <p>(ii) Bekerja sama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk mengadakan rondaan maritim.</p> <p>(iii) Latihan pengukuhan berkala untuk Juruterbang dan anak kapal.</p> <p>(iv) Latihan pengukuhan berkala untuk Pasukan Khas Udara (PASKUB).</p> <p>(v) Latihan tidak berkala untuk pegawai dan anggota Unit Udara JBPM.</p> <p>(vi) Latihan bersama agensi-agensi lain bagi pengurusan perkhidmatan udara.</p> <p>(vii) Sebagai pasukan sokongan kepada JBPM dalam menjalankan tugas-tugas bantuan udara seperti tinjauan udara, mencari dan menyelamatkan, ambulan udara dan pengangkutan logistik seperti</p>	<p>Rondaan</p> <p>Rondaan</p> <p>Latihan risiko tinggi</p> <p>Latihan risiko tinggi</p> <p>Latihan risiko tinggi</p> <p>Latihan risiko tinggi</p> <p>Bantuan bencana</p>





	<p>pengesan Disiplin <i>Wilderness</i>.</p> <p>(xii) Melaksanakan Latihan <i>Winching</i> untuk pemegang bersama anjing pengesan dengan menggunakan helikopter.</p>	Latihan risiko tinggi
13.	<p>Penyelenggaraan jentera dan peralatan, pembaikan dan pengujian jentera bomba, kenderaan bomba dan peralatan kebombaan berenjin.</p>	Latihan risiko tinggi

# LAMPIRAN II

BIL	TUGAS BUKAN AKTIF
1.	Naziran ke balai-balai seluruh Malaysia.
2.	Rondaan semasa musim perayaan.
3.	Pemanduan kenderaan utiliti jabatan bukan ke tempat-tempat operasi seperti bagi tujuan penguatkuasaan, perlesenan, mesyuarat, ceramah kesedaran awam dan pameran.
4.	Membuat latihan <i>Fire Drill</i> .
5.	Menjalankan tugas-tugas pentadbiran di pejabat seperti mesyuarat, pengurusan personel, kewangan, perolehan, dan lain-lain.
6.	Melaksanakan pendakwaan kebombaan di mahkamah berkaitan pelanggaran undang-undang (Akta 341).
7.	Menggubal draf akta-akta yang berkaitan dengan kebombaan dan peraturan-peraturan di bawahnya.
8.	Memberi keterangan sebagai saksi pakar di mahkamah.
9.	Menghadiri latihan, kursus, seminar, bengkel lawatan kerja sambil belajar dan pertandingan sukan anjuran jabatan dan swasta.
10.	Pemantauan dan membuat Analisa bagi aktiviti Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK), Pelaksanaan Perakuan Bomba, Pemeriksaan dan ujian Alat-alat pencegahan kebakaran dan sokongan pelesenan perniagaan.
11.	Melaksanakan lawatan audit aktiviti Bahagian Keselamatan Kebakaran di JBPM Negeri.
12.	Melaksanakan program kesedaran awam dan pencegahan kebakaran kepada masyarakat seperti ceramah, kursus dan pameran.
13.	Menyemak dan memperakukan pelan arkitekural dan pelan M&E.



# LAMPIRAN III



### LAMPIRAN III

#### SENARAI SEMAK PERMOHONAN KWKB 2 BANTUAN KEPADA PEGAWAI BOMBA YANG MENGALAMI KEROSAKAN KEMUSNAHAN, TEMPAT KEDIAMAN AKIBAT BENCANA

---

Nama Pemohon :

No. K/P :

Gred Jawatan:

Tempat Bertugas :

- 1 Permohonan hendaklah disediakan dalam lima (5) salinan dan disahkan (salinan diakui sah) -1 borang original dan 4 salinan
- 2 Permohonan hendaklah melalui Ibu Pejabat Negeri dan hendaklah disertakan dengan Surat Pengesahan dan ulasan daripada Pengarah Negeri
- 3 Permohonan hendaklah disahkan oleh Pegawai Penjaga Balai / Ketua Jabatan
- 4 Menggunakan borang KWKB 2
- 5 Salinan Penyata Perkhidmatan (Muka hadapan & tiga (3) tahun semasa sahaja)
- 6 Salinan Penyata Gaji (payslip) semasa kejadian
- 7 Salinan Laporan Polis mengenai bencana
- 8 Salinan geran / hak pemilikan rumah/ pengesahan Ketua Mukim/ Penghulu (Rumah sendiri/ rumah sewa / rumah yang disewakan)
- 9 Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pembaikan yang telah/akan dibuat
- 10 Gambar-gambar kerosakan rumah
- 11 Kos dipohon termasuk anggaran kerosakan



## LAMPIRAN III

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN KWKB 2

#### BANTUAN KEPADA PEGAWAI ATAU BEKAS PEGAWAI BOMBA BAGI PEMBELIAN ANGGOTA TIRUAN, KERUSI RODA, TONGKAT MELANDAS BAHU DAN LAIN-LAIN BANTUAN YANG DIFIKIRKAN PERLU

---

Nama Pemohon :

No. K/P :

Gred Jawatan:

Tempat Bertugas :

- 1 Permohonan hendaklah disediakan dalam lima (5) salinan dan disahkan (salinan diakui sah) -1 borang original dan 4 salinan
- 2 Permohonan hendaklah melalui Ibu Pejabat Negeri dan hendaklah disertakan dengan Surat Pengesahan dan sokongan daripada Pengarah Negeri
- 3 Permohonan hendaklah disahkan oleh Pegawai Penjaga Balai / Ketua Jabatan
- 4 Menggunakan borang KWKB 2
- 5 Salinan Laporan Perubatan (Kerajaan) mengenai kecacatan
- 6 Gambar-gambar kecacatan
- 7 Surat-surat pengesahan daripada pegawai perubatan kerajaan mengenai keperluan alat tersebut
- 8 Sebutharga peralatan tersebut
- 9 Dokumen-dokumen lain yang berkaitan



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN KWKB 3**

**PINJAMAN UNTUK PEGAWAI BOMBA KE PENGAJIAN DI DALAM PERKHIDMATAN DI  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN**


Nama Pemohon :

No. K/P :

Gred Jawatan:

Tempat Bertugas :

- |    |  |                          |
|----|--|--------------------------|
| 1  | Permohonan hendaklah disediakan dalam lima (5) salinan dan disahkan (salinan diakui sah) -1 borang original dan 4 salinan          | <input type="checkbox"/> |
| 2  | Permohonan hendaklah melalui Ibu Pejabat Negeri dan hendaklah disertakan dengan Surat Pengesahan dan sokongan dari Pengarah Negeri | <input type="checkbox"/> |
| 3  | Permohonan hendaklah disahkan oleh Pegawai Penjaga Balai / Ketua Jabatan   | <input type="checkbox"/> |
| 4  | Menggunakan borang KWKB 3  | <input type="checkbox"/> |
| 5  | Salinan Penyata Perkhidmatan   | <input type="checkbox"/> |
| 6  | Salinan Penyata Gaji (payslip) terkini   | <input type="checkbox"/> |
| 7  | Surat tawaran belajar dan bayaran pengajian  | <input type="checkbox"/> |
| 8  | Surat kelulusan daripada Bahagian Latihan, JBPM untuk mengikuti kursus   | <input type="checkbox"/> |
| 9  | Surat pengesahan dari pemohon bahawa tiada mendapat Bantuan / pinjaman dari mana-mana institusi                                    | <input type="checkbox"/> |
| 10 | Hanya pegawai bomba yang akan melanjutkan pengajian kursus peringkat diploma dan ke atas   | <input type="checkbox"/> |
| 11 | Melengkapkan Surat Perjanjian Pinjaman Pelajaran (selepas pinjaman diluluskan)   | <input type="checkbox"/> |
| 12 | Mempunyai 2 penjamin yang diluluskan oleh Jawatankuasa   | <input type="checkbox"/> |
| 13 | Tempoh maksimum pinjaman balik adalah 4 tahun  | <input type="checkbox"/> |



**PERMOHONAN PAMPASAN (EX-GRATIA) BAGI PEGAWAI  
BOMBA DAN PEGAWAI BOMBA BERPENCEN YANG DITIMPA  
KEMALANGAN ATAU KECEDERAAN TERMASUK KEMATIAN  
SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DARIPADA  
KUMPULAN KEBAJIKAN JABATAN  
PERKHIDMATAN BOMBA**

**BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA**



**PERMOHONAN PAMPASAN (EX-GRATIA) BAGI PEGAWAI BOMBA DAN PEGAWAI BOMBA BERPENCEN  
 YANG DITIMPA KEMALANGAN ATAU KECEDEeraan TERMASUK KEMATIAN  
 SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DARIPADA  
 KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA  
 (SEKSYEN 49 AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988, P.U. (A) 276/97)**

**Bahagian I**

1. Ringkasan Permohonan (tandakan  yang berkenaan)
- (a) Kematian akibat kemalangan
  - (b) Kecederaan menyebabkan kehilangan pekerjaan
  - (c) Kecederaan tidak menyebabkan kehilangan pekerjaan

**Bahagian II**

2. Nama Penuh Pegawai Bomba
3. No. Kad Pengenalan
- 3.1. Baru
  - 3.2. Lama
4. Tarikh Lahir  -  -   
Hari Bulan Tahun
5. Taraf Perkahwinan  Kahwin  Janda  
 Bujang  Duda
6. Alamat Tempat Tinggal
7. Tempat Bertugas (atau tempat terakhir bertugas)
8. Gred Jawatan KB
9. Tarikh Memasuki Perkhidmatan  -  -   
Hari Bulan Tahun
10. Taraf Pegawai  Masih Bertugas  Bersara
11. Tarikh Pencen / Bersara  -  -   
Hari Bulan Tahun
12. Gaji Akhir (Gaji Pokok) R M







**BAHAGIAN IV (Jika Siasatan perlu dibuat oleh Panel Pegawai)**

Tuntutan ini adalah disyorkan ditolak/diluluskan pembayaran sebanyak RM .....  
(Ringgit Malaysia : .....)  
berdasarkan hasil siasatan yang telah dibuat seperti laporan di Lampiran berkembar.

Tarikh : .....

.....  
Tandatangan  
Pengerusi Panel Pegawai

**BAHAGIAN V (Dipenuhi oleh Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Wang)**

Keputusan :

- (a) Berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima dan setelah Jawatankuasa Kumpulan Wang bermesyuarat pada ..... Jumlah pampasan yang layak dibayar ialah RM..... (Ringgit Malaysia : .....)

Perakuan Jawatankuasa adalah berasaskan kepada pengiraan seperti berikut :-

- (i) .....  
(ii) .....  
(iii) .....

- (b) Wujud keraguan atas permohonan berasaskan :-

- (i) .....  
(ii) .....  
(iii) .....

Disyorkan supaya siasatan lanjut oleh Panel Pegawai dibuat.

Tarikh : .....


Tandatangan : .....  
Nama : .....  
Jawatan : .....





Lekatkan  
Setem  
di sini

Kepada,



**KWKB 1: N<sup>o</sup>**

**Saudara / Saudari,**

**PENGESAHAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN**

Dengan ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima Borang Permohonan Kumpulan Wang Kebajikan Bomba.

Permohonan lengkap dan sedang diproses

Permohonan tidak lengkap, sila kemukakan:-


- i) \_\_\_\_\_
- ii) \_\_\_\_\_
- iii) \_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

**Ibu Pejabat  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.**







**PERMOHONAN BANTUAN KEPADA PEGAWAI BOMBA  
ATAU BEKAS PEGAWAI BOMBA DARIPADA  
KUMPULAN WANG KEBAJIKAN  
JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA**

**PERMOHONAN BANTUAN KEPADA PEGAWAI BOMBA.ATAU BEKAS PEGAWAI BOMBA  
DARIPADA KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(SEKSYEN 49 AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988, P.U. (A) 276/97)**

**Bahagian I**

1. Ringkasan Permohonan (tandaan  yang berkenaan)
- (a) Bantuan kepada pegawai atau bekas Pegawai Bomba bagi pembelian anggota tiruan, kerusi roda, tongkat melandas bahu dan lain-lain bantuan yang difikirkan perlu.
- (b) Bantuan kepada Pegawai Bomba yang mengalami kerosakan dan kemusnahan tempat kediaman akibat bencana.
- (c) Faedah-faedah lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa daripada masa ke semasa.

**Bahagian II**

2. Nama Penuh
3. No. Kad Pengenalan
- 3.1 Baru
- 3.2 Lama
4. Tarikh Lahir   
Hari      Bulan      Tahun
5. Taraf Perkahwinan  Kahwin  Janda  
 Bujang  Duda
6. Alamat Tempat Tinggal
7. Tempat Bertugas (atau tempat terakhir bertugas)
8. Gred Jawatan KB
9. Tarikh Memasuki Perkhidmatan   
Hari      Bulan      Tahun
10. Taraf Pegawai  Masih Bertugas  Bersara
11. Tarikh Pencen/Bersara   
Hari      Bulan      Tahun
12. Gaji Akhir (Gaji Pokok) RM



**Bantuan III**

**13. Jenis Bantuan (sila tanda yang berkenaan)**

13.1. Bantuan pembelian anggota tiruan, kerusi roda, tongkat melandas bahu dan lain-lain bantuan

- a. Jenis kecacatan  
(Surat Pengesahan dari Pegawai Perubatan)
- b. Nama Peralatan yang hendak dibeli  
(Surat syor daripada pegawai perubatan)
- c. Kos Pembelian  
(Sertakan anggaran perbelanjaan) RM
- d. Nama Pembekal & Alamat

13.2. Bantuan kepada pegawai bomba yang mengalami kerosakan, kemusnahan, tempat kediaman akibat bencana

- a. Jenis bencana
- b. Kos yang dipohon RM
- c. Tarikh bencana
- d. Tahap kerosakan
- e. Pembaikan yang telah dibuat
- f. Lain-lain perkara

13.3. Faedah-faedah lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa

- a. Butir-butir lengkap faedah-faedah  
(sertakan dokumen-dokumen yang lengkap bagi menyokong permohonan)
- b. Kos yang dipohon RM

Tarikh : .....

.....  
Tandatangan  
Ketua Jabatan

**BAHAGIAN IV (Jika Siasatan perlu dibuat oleh Panel Pegawai)**

Tuntutan ini adalah disyorkan ditolak/diluluskan pembayaran sebanyak RM .....  
(Ringgit Malaysia : .....)  
berdasarkan hasil siasatan yang telah dibuat seperti laporan di Lampiran berkembar.

Tarikh : .....

.....  
Tandatangan  
Pengerusi Panel Pegawai

**BAHAGIAN V (Dipenuhi oleh Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Wang)**

Keputusan :

(a) Berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima dan setelah Jawatankuasa Kumpulan Wang bermesyuarat pada ..... Jumlah pampasan yang layak dibayar ialah RM..... (Ringgit Malaysia : .....)

Perakuan Jawatankuasa adalah berasaskan kepada pengiraan seperti berikut :-

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

(b) Wujud keraguan atas permohonan berasaskan :-

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

Disyorkan supaya siasatan lanjut oleh Panel Pegawai dibuat.


Tarikh : .....

.....  
Tandatangan : .....  
Nama : .....  
Jawatan : .....



Lekatkan  
Setem  
di sini

Kepada,



**KWKB 2: N<sup>o</sup>**

**Saudara / Saudari**

**PENGESAHAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN**


Dengan ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima Borang Permohonan Kumpulan Wang Kebajikan Bomba.

- Permohonan lengkap dan sedang diproses
- Permohonan tidak lengkap, sila kemukakan:-

- i) \_\_\_\_\_
- ii) \_\_\_\_\_
- iii) \_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

**Ibu Pejabat  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.**









**PERMOHONAN PINJAMAN PELAJARAN UNTUK PEGAWAI BOMBA DARIPADA  
KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(SEKSYEN 49 AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988, PERATURAN 6 P.U. (A) 276/97)**

**Bahagian I**

1. Nama Penuh
  
2. No. Kad Pengenalan
  - 2.1. Baru
  - 2.2. Lama
  
3. Tarikh Lahir 



  
Hari                  Bulan                  Tahun
  
4. Taraf Perkahwinan     Kahwin     Janda  
                                   Bujang     Duda
  
5. Tempat Bertugas  
(atau tempat terakhir bertugas)
  
6. Gred Jawatan            KB
  
7. Tarikh Memasuki Perkhidmatan 



  
Hari                  Bulan                  Tahun
  
8. Taraf Pegawai             Masih Bertugas     Bersara
  
9. Tarikh Pencen/Bersara 



  
Hari                  Bulan                  Tahun
  
10. Gaji Akhir (Gaji Pokok)

**Bahagian II**

11. Butir-Butir Permohonan Pinjaman
  - 11.1. Tujuan Pinjaman
  - 11.2. Jumlah Pinjaman
  - 11.3. Tempoh Bayaran Ansuran 



 TAHUN / BULAN (\*yang mana berkenaan).

12. Butir-butir Permohonan Pinjaman

12.1.	Nama Institusi/ Universiti																												
12.2.	Kursus																												
12.3.	Tempoh																												
12.4.	Tarikh Masuk																												

Hari
Bulan
Tahun

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberi di atas adalah benar.

Tarikh : ..... / ..... / ..... Tandatangan : .....

(Sila lampirkan surat tawaran daripada Institusi/Universiti).

**Bahagian III**

13. Jaminan

Kami yang bertandatangan di bawah ini mengaku bahawa kami bersetuju menjadi penjamin bagi Encik ..... meminjam sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia .....) dari Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sekiranya beliau tidak menjelaskan pinjaman ini, kami bersetuju akan menjelaskannya dengan sepenuhnya.

Penjamin Pertama

Penjamin Kedua

Tandatangan : .....	Tandatangan : .....
Nama : .....	Nama : .....
Jawatan : .....	Jawatan : .....
Alamat : .....	Alamat : .....
Tarikh : .....	Tarikh : .....

14. Pengesahan dan Ulasan Ketua Jabatan

Tarikh : ..... Tandatangan Ketua Jabatan : .....

**Bahagian IV (Dipenuhi oleh Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Wang)**

Setelah bermesyuarat pada ..... Jawatankuasa Kumpulan Wang memutuskan:-

Permohonan Ditolak  
Alasan : .....

Permohonan diluluskan sebanyak RM .....  
(Ringgit Malaysia .....)

Tarikh : ..... Tandatangan : .....


Nama : .....

Jawatan : .....



Lekatkan  
Setem  
di sini

Kepada,





**KWKB 3: N<sup>o</sup>**

Saudara / Saudari,

**PENGESAHAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN**


Dengan ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima Borang Permohonan Kumpulan Wang Kebajikan Bomba.

- Permohonan lengkap dan sedang diproses
- Permohonan tidak lengkap, sila kemukakan:-

- i) \_\_\_\_\_
- ii) \_\_\_\_\_
- iii) \_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

**Ibu Pejabat  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.**



# LAMPIRAN IV

# LAMPIRAN IV

